



**KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM**  
**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM MALAYSIA**  
Aras 13, Blok C1, Kompleks C  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62510 W.P. PUTRAJAYA  
MALAYSIA

Tel. : 03-88853001  
Faks : 03-88892187  
E-mel : ismail@jpa.gov.my  
Web : http://www.jpa.gov.my



**Ruj. Kami:** JPA(S)215/13(13)  
**Tarikh:** 20 Ogos 2009

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Tuan,

## **PELAKSANAAN PEMERIKSAAN KESIHATAN DI KALANGAN PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM**

Saya dengan hormatnya menarik perhatian tuan mengenai perkara di atas.

2. Sebagaimana yang tuan sedia maklum, Kerajaan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2003 (PP 3/2003) telah menggalakkan pegawai yang berumur 40 tahun dan ke atas untuk menjalani pemeriksaan kesihatan dari semasa ke semasa. Pemeriksaan kesihatan ini digalakkan bagi memastikan kesihatan pegawai sentiasa berada di tahap yang baik.

3. Memandangkan tahap kesihatan amat penting bagi diri pegawai, prestasi kerja dan mutu penyampaian perkhidmatan, pegawai adalah diingatkan supaya mematuhi peraturan pemeriksaan kesihatan selaras dengan PP 3/2003. Pegawai yang tidak mematuhi atau enggan menjalani pemeriksaan kesihatan dan kemudiannya didapati menghadapi masalah kesihatan yang serius, adalah dikhuatiri boleh terjejas peluang untuk dinaikkan pangkat.

4. Sebagai langkah tambahan, Kerajaan memutuskan supaya pegawai dalam **Kumpulan Pengurusan Tertinggi diwajibkan** menjalani pemeriksaan kesihatan **pada setiap tahun**. Usaha pencegahan ini diharapkan dapat mengekalkan tahap kesihatan yang baik di kalangan pegawai.

Sekian, dimaklumkan.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**



( TAN SRI ISMAIL ADAM )  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam  
Malaysia

s.k. :

Y.Bhg. Ketua Setiausaha Negara  
Y.Bhg. Ketua Setiausaha Sulit kepada YAB Perdana Menteri  
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Pihak Berkuasa Berkanun  
Semua Pihak Berkuasa Tempatan